

# UPM buat kajian potensi pokok tin

PENANAMAN pokok buah tin di negara ini boleh dilakukan secara komersial memandangkan terdapat beberapa spesies yang boleh hidup subur dengan cuaca di Malaysia.

**Pensyarah Kanan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Dr. Siti Zaharah Sakimin** bagaimanapun berkata, penanaman secara komersial memerlukan tenaga kerja yang ramai memandangkan pokok tersebut perlu dijaga rapi ekoran sifatnya yang agak manja.

“Pokok tin memang antara spesies tumbuhan yang agak sensitif dan manja.

“Ia memerlukan penjagaan yang sangat rapi terutama dari segi pengaliran air dan pendedahan kepada cahaya matahari.

“Malah, ia juga mudah dijangkiti penyakit sama ada disebabkan oleh serangan ulat pada daun atau batang, mahupun kerana pengaliran air yang berlebihan yang boleh mengakibatkan pereputan pada pangkal pokok,” katanya ketika dihubungi.

Menurut Siti Zaharah lagi, memandangkan pokok tin semakin popular termasuk semakin banyak ditanam

oleh orang ramai di kawasan kediaman, maka UPM sedang menjalankan kajian bagi melihat keberkesannya jika ditanam secara terbuka.

Pada masa ini, kebanyakan pokok tin yang diusahakan secara komersial di negara ini di tanah menggunakan rumah hijau dan ia melibatkan kos yang sangat tinggi.

“Di UPM, saya telah menanam kira-kira 100 pokok tin secara terbuka tanpa menggunakan rumah hijau sejak April tahun lalu bagi tujuan kajian.



SITI ZAHARAH

“Ia adalah bagi melihat sama ada pokok tersebut boleh hidup subur jika ditanam menggunakan kaedah itu selain mengkaji beberapa aspek lain termasuklah pembajaan dan pengairan yang sesuai.

“Jika berjaya, ini bermakna petani boleh mengusahakannya secara komersial tanpa menggunakan rumah hijau dan ia sekali gus mampu mengurangkan kos,” jelasnya.

Namun, memandangkan kajian tersebut belum selesai sepenuhnya, kaedah penggunaan rumah hijau adalah yang terbaik jika tanaman tersebut ingin diusahakan secara besar-besaran.